



**JABATAN BENDAHARI
BURSAR'S OFFICE**
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3200/3260/3256
Faks (Fax): 604-928 3299
Laman Web (Web): www.bendahari.uum.edu.my

BEND20180719-KB1295
19 Julai 2018

PEKELILING BENDAHARI BIL 3/2018

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Prof/Tuan/Puan

**PANDUAN PENGGUNAAN WANG AGIHAN KEUNTUNGAN AKAUN KONTRA
(PROJEK) UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Bersama-sama ini disertakan Panduan Penggunaan Wang Agihan Keuntungan Akaun Kontra (Projek) Universiti Utara Malaysia untuk perhatian dan makluman pihak YBhg. Prof./tuan/puan

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH AMAN MAKMUR- HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU ,BUDI, BAKTI"**

Saya yang menurut perintah

AMRON BIN MAN
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

s.k Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Ketua Audit Dalam
Jabatan Canselor
Universiti Utara Malaysia

Universiti Pengurusan Terkemuka
The Eminent Management University



ASSOCIATION
ACCREDITED



AVN-QA
A TRUST OF QUALITY



GIFA
GLOBAL FINANCIAL FINANCIAL AWARDS



CIIMA
Chartered Institute of Management Accountants



SOARING
UPWARDS

PANDUAN PENGGUNAAN WANG AGIHAN KEUNTUNGAN AKAUN KONTRA (PROJEK) KEPADA PUSAT TANGGUNGJAWAB

1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan panduan penggunaan wang agihan keuntungan akaun kontra (projek) kepada Pusat Tanggungjawab Universiti Utara Malaysia

2.0 LATARBELAKANG/ULASAN

- 2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti bersetuju supaya insentif diberikan kepada Pusat Tanggungjawab yang dapat menjana pendapatan yang diakaunkan melalui akaun kontra (projek) seperti berikut :

Keuntungan Bersih Dari Akaun Kontrak (Projek)	Insentif kepada PTJ
Sehingga RM10,000	20%
RM10,000 hingga RM50,000	30%
RM50,000 hingga RM100,000	40%
RM100,000 dan ke atas	50%

- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti telah meluluskan cadangan agihan keuntungan akaun kontra (akaun projek) berdasarkan baki terkini akaun berkenaan.
- 2.3 Bagi akaun kontra (projek) yang berterusan, hanya 50% dari baki akaun berkenaan akan diagih di antara UUM dan Pusat Tanggungjawab sementara baki 50% lagi akan dikekalkan di dalam akaun kontra berkenaan bagi meneruskan aktiviti untuk tahun selanjutnya.
- 2.4 Bagi akaun kontra yang tidak aktif ianya akan ditutup dan diagih semuanya mengikut kadar agihan seperti yang telah diluluskan.
- 2.4 Pengagihan hanya dibuat sekali sahaja iaitu setiap akhir tahun. Pengagihan dibuat selepas mengambil kira semua perbelanjaan telah dicaj sepenuhnya dan juga kedudukan hutang akaun kontra berkenaan.

3.0 CADANGAN OPERASI DAN PENGGUNAAN WANG AGIHAN KEUNTUNGAN AKAUN KONTRA (PROJEK)

- 3.1 Satu akaun kontra baru dinamakan "AKAUN AGIHAN AKTIVITI KOMERSIAL PTJ" akan diwujudkan. Setiap PTJ diminta untuk membuka akaun kontra khas ini dengan Jabatan Bendahari.
- 3.2 Wang yang akan diagihkan ini hanya boleh digunakan untuk tujuan seperti berikut :
- Menjalankan aktiviti penyelidikan berimpak tinggi.
 - Menjalankan aktiviti penerbitan berimpak tinggi.
 - Membayar kursus yang berimpak tinggi.
 - Menjalankan aktiviti promosi untuk pasca siswazah/ijazah pertama.
 - Kerja-kerja penyenggaraan dan penambahbaikan peralatan di PTJ
 - Lain-lain aktiviti yang mendapat kelulusan khas dari Naib Canselor
- 3.3 Pihak Berkuasa untuk meluluskan aktiviti yang dibiayai dari akaun ini ditetapkan seperti berikut :

BII	Aktiviti	Pihak Yang Meluluskan
a.	Aktiviti Penyelidikan/Penerbitan	TNC (P&I)
b.	Promosi i) Pasca Siswazah ii) Pra Siswazah	TNC (P & I) TNC (A&A)
c.	Penyenggaraan/Pembelian Peralatan i) Pusat Pengajian/Pusat Kecemerlangan Akademik ii) Lain/Lain PTJ/Pusat	Mana-mana TNC yang mengetuai PTJ/Pusat berkenaan Naib Canselor
d.	Membayar Kursus	Pendaftar/Naib Canselor
e.	Lain-Lain Aktiviti	Naib Canselor

- 3.4 Bagi aktiviti/kursus yang hendak dijalankan oleh UUMKL pihak berkuasa meluluskan perbelanjaan dari akaun ini diberikan kepada Pengarah UUM KL.

3.5 Amaun kelulusan perbelanjaan adalah mengikut had perbelanjaan Akaun Amanah iaitu seperti berikut :

	<u>RM</u>
i. Ketua PTJ (sekiranya berkenaan)	≤20,000
ii. Timbalan Naib Canselor	≤50,000
iii. Naib Canselor	≤500,000

3.6 Semua peraturan lain selain yang dinyatakan di atas hendaklah mengikut peraturan kewangan dan perakaunan yang diterimapakai sekarang.

4.0 RUMUSAN

Semua Ketua PTJ dan pegawai yang menguruskan hal-hal kewangan di PTJ diminta mengambil maklum dan mematuhi tentang peraturan pengurusan Wang Agihan Keuntungan Akaun Kontra (Projek) ini.

Disediakan oleh : Jabatan Bendahari
Tarikh : 27 Jun 2018